



KENYATAAN MEDIA

PENYAKIT AFRICAN SWINE FEVER (ASF) DI KESAN PADA LADANG BABI KOMERSIL DI PAYA MENGGUANG MELAKA

1. Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) mengesahkan kes penyakit ASF telah dikesan menjangkiti tujuh (7) ladang babi di Paya Mengkuang, Melaka. Penyiasatan dijalankan oleh pihak DVS susulan laporan penternak babi terlibat serta pengesahan sampel yang diuji di Makmal Veterinar Sepang pada 20, 22 dan 23 Disember 2021.
2. Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Dato' Dr. Norlizan Mohd Noor memaklumkan bagi mengawal dan membasmi rebakan penyakit ASF, DVS melaksanakan tindakan berikut ;
 - 2.1 Mengeluarkan Notis Perintah Kuarantin ke atas ladang-ladang babi di kawasan Paya Mengkuang. Ternakan tidak dibenarkan keluar atau masuk kawasan terjangkit.
 - 2.2 Pemusnahan semua ternakan babi di ladang terjangkit berdasarkan Seksyen 19, Akta Binatang 1953 (Pindaan 2013).
 - 2.3 Ternakan di ladang yang disahkan bebas jangkitan dibenarkan untuk penyembelihan di rumah sembelih yang diluluskan sahaja. Karkas dan daging babi tidak dibenarkan dibawa keluar ke negeri-negeri lain.
 - 2.4 Syarat pindah ternakan babi dan produk babi di seluruh Semenanjung Malaysia diperketatkan.
 - 2.5 Pemantauan, pemeriksaan klinikal dan persampelan semua ladang babi di kawasan terjangkit serta ladang-ladang babi seluruh negara dipergiatkan.
 - 2.6 Pemantauan dan persampelan juga dipergiatkan di semua rumah sembelih babi di seluruh negara.

3. DVS menasihati semua penternak babi supaya tidak memberi babi makanan sisa dapur (*swill feeding*) dan tidak membuang bangkai babi ke dalam sungai, kolam, kebun dan sebagainya.
4. Penternak dan orang awam diminta segera melaporkan sebarang kematian pada babi hutan, babi kampung atau babi komersil kepada Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah (PPVD) atau Pejabat Perkhidmatan Veterinar Negeri yang berdekatan atau terus ke Hotline Bilik Pengurusan Krisis Penyakit, Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar Putrajaya di talian 03-88702041.
5. Penyakit ASF memberi impak ekonomi yang besar kepada industri penternakan babi kerana boleh menyebabkan kematian sehingga 100 peratus.
6. Dato' Dr. Norlizan juga menasihati orang ramai agar tidak panik kerana penyakit ASF adalah penyakit tidak zoonotik, iaitu tidak berjangkit kepada manusia. Sebagai langkah keselamatan, daging babi perlu dimasak pada suhu sekurang-kurangnya 70°C selama 30 minit untuk mematikan virus.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Putrajaya
24 Disember 2021